



Pembangunan dan Rekabentuk Strategi Pengajaran Hadis Muhajirin-Ansar

Design and Development of Muhajirin-Ansar Teaching Strategy

Najah Nadiah Amran^{1*}

¹ Research Centre for Quran and Sunnah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Malaysia, najah@ukm.edu.my, 0199301502.

* Corresponding Author: Najah Nadiah Amran. Research Centre for Quran and Sunnah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Malaysia, najah@ukm.edu.my, 0199301502, <https://orcid.org/0000-0001-7719-1392>.

Keywords:

*Hadith; Future-Ready
Islamic Studies Graduates;
Learning Strategies;
Reflective Teaching;
Reflective Cycle Model*

ABSTRACT

Malaysia Higher Education Blueprint 2015–2025 emphasises high-impact educational practices in teaching and learning to produce future-ready graduates with 21st-century skills. Achieving this goal necessitates the creation of teaching-and-learning that is more creative, collaborative, meaningful, and innovative. The emphasis on innovative teaching has become a priority so that the graduates produced can fulfil the nation and universities' aspirations. Also, improving the teaching process requires reflective teaching. This article aims to discuss the practice of reflective teaching that has assisted a group of lecturers in designing a new teaching strategy for two courses: PPPN3333 Hadith I and PPPN3453 Hadith II. The philosophy and core of learning practices of the companions of Prophet Muhammad, Gibb's Reflective Cycle, and ASSURE models were adapted and used as a framework for developing a new learning approach. The study found the need to implement changes on the teaching method by considering the following factors: (a) attaining the course learning objectives, (b) the new generation's learning styles, (c) adapting to the new generation's backgrounds, (d) solving the limitations of learning experiences due to the inadequacies of physical and infrastructural facilities, (e) teaching time and schedule, (f) employability, i.e. the need for producing graduates with 21st-century skills, and (g) focus on Islamic studies graduates who are ready for the current and new challenges. Reflective teaching was conducted once learning cycle completed. A new teaching strategy was designed by combining three learning approaches, known as Structured Knowledge Expedition, Collaborative Learning, and Mentoring. These approaches were applied during classroom teaching and activities for the whole semester. The application of the new strategy was found to provide positive changes in the students' cognitive and affective levels. The approach also motivated lifelong learning among them. Therefore, this article emphasises the practice of reflective teaching so that new teaching strategies can be produced for the betterment of education and in encountering new teaching and learning challenges during the pandemic crisis.

**Kata Kunci:**

Hadis; Kaedah Pengajaran;
Model Kitaran Refleksi;
Pemudahcara Pembelajaran;
Graduan Pengajian Islam
Berkemahiran Tinggi

ABSTRAK

Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi 2015-2025 menekankan amalan pengajaran dan pembelajaran berimpak tinggi bagi menyediakan graduan dengan skil abad ke-21. Bagi mencapai hasrat tersebut, rekabentuk pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif, kolaboratif, bermakna dan inovatif perlu diusahakan. Penekanan kepada aspek inovatif menjadi prioriti supaya graduan yang dilahirkan memenuhi hasrat universiti dan negara. Bagi mempertingkatkan dan memperbaiki proses pengajaran, refleksi pengajaran menjadi keperluan. Makalah ini bertujuan membincangkan proses refleksi pensyarah sepanjang pengajaran yang matatjahah kepada rekabentuk pendekatan baharu dalam kursus Hadith I PPPN3333 dan Hadith II PPPN3453. Falsafah dan teras dalam amalan pembelajaran para Sahabat RA, Model Kitaran Refleksi Gibb dan Model ASSURE dengan pengubahsuaian digunakan sebagai kerangka dalam pembangunan pendekatan pengajaran baharu. Kajian mendapati keperluan melakukan perubahan kaedah pengajaran dengan mengambil kira faktor (a) hasil pembelajaran kursus, (b) gaya pembelajaran dan (c) latar belakang generasi. Selain itu faktor (d) fizikal dan infrastruktur, (e) waktu kuliah, (f) keperluan penghasilan graduan yang memenuhi ciri graduan abad ke-21 dan (g) cabaran semasa dalam bidang tujahan pengajian Islam. Proses reflektif telah dijalankan selepas selesai kitaran pembelajaran. Hasilnya, tiga gabungan pendekatan pengajaran baharu direkabentuk iaitu kaedah pembelajaran berdasarkan Pencarian Maklumat Terarah (PMT), Pembelajaran Kolaboratif dan Peranan Kumpulan Malim atau Mentoran. Gabungan pendekatan tersebut telah diaplikasikan dalam sesi pembelajaran dan ia matatjahah perubahan positif dari aspek kognitif dan afektif serta memberikan kesan berpanjangan kepada motivasi dan kelestarian pembelajaran sepanjang hayat. Kajian mencadangkan agar proses reflektif pengajaran terus dilaksanakan bagi menghasilkan pendekatan-pendekatan pengajaran baharu yang bersesuaian khususnya dalam mendepani keperluan pendidikan dan cabaran krisis pandemik.

Received: November 15, 2020

Accepted: March 15, 2022

Online Published: June 31, 2022

1. Pendahuluan

Cabarannya dalam proses pengajaran adalah mengoptimumkan pembelajaran pelajar (Rahman & Mahamud 2018). Pengajaran merupakan usaha yang melibatkan kaedah dan teknik penyampaian pengetahuan yang dikendalikan oleh guru atau pengajar secara bersistematis bersama dengan pelajar (Isa, 2019; Nawi, 2011). Pengajaran hadis merujuk kepada teknik atau kaedah bagaimanakah teks hadis Nabi Muhammad SAW dan penjelasan berkaitan teks tersebut disampaikan kepada murid secara berkesan. Kedudukan hadis sebagai sumber kedua terpenting Islam menjadikan pengajaran hadis suatu keperluan utama. Antara peranan hadis selain sumber hukum Islam dan pedoman kehidupan, ia adalah penjelasan dan penerang kandungan al-Quran (Ahmad Shah, 2016). Kedudukan hadis yang penting ini menuntut perhatian dan usaha gigih dalam kalangan pengajar dan juga murid agar memahami hadis dengan tepat dan betul (Amran, 2020b). Makalah ini bertujuan menjelaskan proses-proses yang dijalankan oleh pengajar kursus hadis dalam merekabentuk strategi baharu dalam pengajaran demi memastikan kualiti pendidikan dan penyampaian hadis disampaikan kepada para pelajar dengan efektif, efisien dan berimpak.



2. Kepelbagaiannya Kaedah dalam Pembelajaran Hadis

Ahmad Shah (2016) mengemukakan 20 kaedah yang menjadi asas, prasyarat dan proses bagi mengenalpasti kedudukan hadis secara fizikal dalam karya, membongkarkan maklumat dan data berkaitan sebab *wurūd* sabda serta menghubungkan maksud, huraian dan maqasid hadis agar umat Islam memahami hadis yang dibaca atau dipelajari itu secara komprehensif (Ramle & Abdullah, 2021). Ahmad Shah (2016), Ramle dan Abdullah (2021) juga mencadangkan kaedah yang digunakan oleh pengajar dan murid dalam memahami hadis perlu mengambil kira cabaran semasa akibat kemunculan pemikiran yang songsang dan menyeleweng daripada ajaran Islam seperti aliran Syiah, Khawarij, Muktazilah, Orientalis, Anti Hadis, penyelewengan golongan sufi, ahli kalam dan falsafah, sekular, liberal dan lain-lain. Contohnya dalam memahami teks hadis, pelajar perlu mengkaji makna hadis dan menghubungkannya dengan dalil ayat al-Quran, memahami hadis melalui kajian terhadap *asbāb wurūd* (dilafazkan) hadis, tujuan hadis, menghuraikan hadis dengan sokongan hadis yang lain dan banyak lagi. Kaedah yang dijelaskan oleh Ahmad Shah (2016) menekankan aspek penilaian terhadap teks hadis terutamanya apabila petikan hadis diterima oleh pendengar tanpa dikemukakan sumber asal, pendengar kurang mendalami selok belok ilmu ‘ulūm hadis serta tidak mahir dalam bahasa Arab. Bagi memastikan pengetahuan dan kefahaman murid mencapai ke tahap yang dikehendaki, Isa (2019) pula menekankan keperluan persiapan yang rapi dilakukan oleh guru atau penceramah dengan mengambil kira aspek (a) kandungan hadis, (b) fakta dan data, (c) kaedah penyampaian, dan juga (d) penggunaan alat bantu mengajar yang berkesan. Jadual berikut bertujuan menunjukkan terdapat pelbagai kaedah dalam pembelajaran hadis khususnya di institusi pengajian tinggi Malaysia.

Jadual 1: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Hadis

Syarahan	Abdullah (1989); Zulkarnaini (2011) Fahmi al-Kautsar (2012); Isa & Amran (2017); Isa (2019)
Hafalan	Abdullah (1989); Jummat (2005); Zulkarnaini (2011); Yahya et al. (2017)
Soaljawab	Zulkarnaini (2011) Fahmi al-Kautsar (2012)
Pengajaran secara dua hala	Wazir et al. (2011); Isa & Amran (2017); Isa (2019)
Pengajaran berbantuan alat	Wazir et al. (2011); Isa (2019)
Kaedah Talaqqi	Ismail (2011); Isa & Amran (2017)
Kaedah Talaqqi bersanad	Mohamed Ramli (2014)
Kaedah Tadah Kitab	Ismail (2011)
Kaedah Perbincangan	Fahmi al-Kautsar (2012)
Kaedah Amali	Fahmi al-Kautsar (2012)
Kaedah Tahlili	Yahya et al. (2017)
Kaedah Membaca Hadis	Deraman et al. (2010); Isa & Amran (2017); Isa (2019)
Kaedah Pengajaran Hadis	Deraman et al (2010); Isa & Amran (2017)
Secara Tematik	Isa & Amran (2017); Isa (2019)
Kaedah Pengajaran Hadis melalui Penceritaan	Yahya et al. (2017); Amran (2020a); Amran (2020b); Amran (2021)
Kaedah Pembelajaran hadis secara langsung Kolaboratif	

3. Metodologi

Guru atau pensyarah merupakan agen penting dalam pembangunan kurikulum dan reformasi institusi pendidikan. Inovasi dan transformasi dalam pendidikan berkait rapat dengan penglibatan langsung pengajar (guru, pensyarah dan pembimbing) dalam memformulakan tujuan dan hasil pembelajaran dengan melaksanakan penilaian yang dapat mengukur sejauh manakah usaha, aktiviti, proses penyampaian telah berjaya dan berimpak (Liston & Zeichner, 2014). Kaedah yang digunakan dalam merekabentuk pendekatan pengajaran baharu berdasarkan penyelidikan kajian tindakan (*action research*) dan rekabentuk dan pembangunan (*Design and Development Research*). Dua model berkaitan penyelidikan pembangunan dan reka bentuk digunakan sebagai kerangka dan panduan semasa merekabentuk pendekatan baharu untuk kursus iaitu Model Rekabentuk ASSURE (Heinich et al., 1993) dan Model Kitaran Refleksi Gibbs (1988). Model ASSURE melibatkan enam langkah yang hampir sama dengan model Kitaran Refleksi Gibbs iaitu (a) analisa latar belakang dan gaya pembelajaran pelajar (*A- analyse learner*), (b) jelaskan objektif (*S- state objective*), (c) pilih metode, kaedah atau bahan (*S- select methods, media or content*), (d) menggunakan metode, kaedah, media dan kandungan (*U- utilise methods/media/content*) (e)


keperluan penglibatan pelajar (*R- require student participation*) dan (f) menilai serta menyemak perlaksanaan dan pencapaian (*E- evaluate and revise*).

Kursus yang dilaporkan dalam makalah ini ialah Kursus Hadith I PPPN3333 dan Hadith II PPPN3453. Kursus Hadith I merupakan kursus bertaraf wajib program (WJ) manakala Kursus Hadith II ialah kursus elektif. Kedua kursus tersebut diambil oleh pelajar tahun 3 Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah masing-masing pada semester 1 dan 2. Bilangan pelajar bagi Kursus Hadith 1 melebih 80 orang manakala bilangan pelajar Kursus Hadith II sekitar 40 orang. Penilaian terhadap pendekatan baharu diambil dari maklumat dalam Sistem Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Universiti (SPPU) dan juga daripada rakaman audio dan video temubual bersama pelajar kursus selepas selesai semester pengajian.

3.1 Tahap Analisa Keperluan Perubahan

Sebelum sesuatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dibangunkan, pengajar perlu memberikan perhatian beberapa perkara yang kritikal. Ini termasuklah membincangkan tentang teori pembelajaran dan langkah demi langkah yang perlu dilaksanakan (Rahman, 2018) Secara khususnya, terdapat sepuluh langkah yang dilakukan oleh pengajar dalam melaksanakan refleksi pengajaran. Gambarajah berikut menjelaskan panduan kedua model di atas digunakan dalam setiap proses merekabentuk pendekatan dan aktiviti pengajaran. Tulisan dalam kotak berkenaan enam tahap dalam kitaran refleksi diperkenalkan oleh Gibbs (1988). Manakala tulisan di luar kotak bermula dari nombor 1 sehingga 10 merupakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh sepanjang proses tinjauan, rekabentuk dan penilaian yang diubahsuai dari Model ASSURE.

Gambarajah 1: Nombor 1-10 di luar kotak merupakan langkah yang digunakan pensyarah yang diubahsuai dari kerangka Model Kitaran Refleksi Gibbs (1988) dan Model ASSURE.



Sumber: Heinich et al. (1993) dan Gibbs (1988)

Kaedah penyampaian dalam Kursus Hadith I PPPN3333 dan Hadith II PPPN3453 sebelum refleksi pengajaran dijalankan adalah seperti berikut: (a) Syarahan (2 jam), (b) Tutorial (1 jam), (c) Perbincangan & soal jawab, (d) Pembentangan Kumpulan (e) Tugasan Bertulis/ Hafalan hadis dan (f) Peperiksaan Akhir.

3.2 Tahap Pernyataan Objektif

Hasil pemerhatian dan refleksi pengajar terhadap pengajaran mendapati pelajar tidak menunjukkan reaksi positif malah lebih pasif menjadi pendengar syarahan yang disampaikan. Suasana pembelajaran menjadi kaku dan statik kerana berpusatkan guru manakala pelajar menjadi pengguna akhir yang mendapatkan maklumat dan pengetahuan (Wan Abdullah & Mohd Zhaffar, 2018). Oleh kerana pensyarah menumpukan aspek kandungan kursus, maka sesi penilaian dilaksanakan hanyalah selepas kandungan kursus disampaikan. Pelajar juga cenderung menyelesaikan tugas kursus termasuk ujian hafalan hadis di akhir semester. Ini bermakna pengukuran dan maklumat



pencapaian juga diperolehi pada penghujung semester iaitu sebelum peperiksaan akhir. Pensyarah hanya mengetahui kemampuan dan tahap penguasaan pelajar semasa pembentangan di akhir semester, penulisan laporan bertulis atau ujian hafalan dan peperiksaan akhir. Laporan penilaian pengajaran (SPPU) juga mendatar. Kesungguhan pelajar menilai pensyarah menunjukkan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran. Terdapat tujuh faktor yang mendorong pensyarah merekabentuk kembali pengajaran kursus iaitu; (a) Faktor waktu kuliah pada waktu puncak iaitu dari jam 12 tengahari – 2 petang, (b) Bilangan pelajar yang melebihi 80 orang semasa sesi kuliah, (c) Tuntutan mencapai hasil pembelajaran kursus (*learning outcomes*) secara optimum, (d) Inisiatif perlaksanaan amalan pembelajaran berimpak tinggi (HIEPs UKM), (d) Isu dan cabaran Islam kontemporari, (e) Kepelbagai model dan gaya pembelajaran generasi Y dan (f) Kebolehpasaran graduan pengajian Islam (Mohamad Amin et al. 2020, Amran, 2020a; Amran, 2020b; Rahman 2018).

Antara usaha yang dilaksanakan bagi membuka ufuk pengetahuan dan kemahiran pengajar adalah dengan menghadiri bengkel latihan berkaitan pengajaran yang ditawarkan oleh Pengajaran-UKM dan juga Profesional UKM bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran baharu untuk pengajaran di samping bertemu dengan mentor pendidik UKM serta mencedok pengalaman pengajaran mereka. Selain itu, perbincangan secara tidak rasmi bersama rakan-rakan pensyarah dilakukan secara berterusan bagi memperbaiki kualiti pengajaran dan penilaian (Amran, 2020a; Amran, 2020b).

3.3 Tahap Meneroka dan Memilih

Usaha berikutnya dalam proses refleksi pengajaran ialah dengan melakukan penerokaan kursus dan penyelidikan tentang kaedah pengajaran atas talian. Blog, laman sesawang serta maklumat pengajaran interaktif dalam *TED-ED*, *Youtube*, *FutureLearn* dan lain-lain dicapai bagi mengikuti perkembangan kaedah pengajaran terkini. Penerokaan ini membuka maklumat kepada penggunaan bahan bantu pengajaran atas talian seperti *Padlet*, *Poplet*, *Google Classroom*, *Trello* dan lain-lain bagi memenuhi gaya pembelajaran pelajar abad ke-21. Dalam memperbaiki kaedah penyampaian agar lebih baik, pengajar merekod rancangan pengajaran secara mingguan dan memperuntukkan selama 1-2 jam seminggu bagi merancang aktiviti yang akan dijalankan dalam setiap sesi kuliah dan tutorial. Model-model pengajaran dan pembelajaran baharu diteroka dengan penekanan kepada merekabentuk aktiviti pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar. Perancangan ini perlu bagi memahirkan diri pengajar dan menjadi panduan dari masa ke semasa (Amran, 2020a; Amran, 2020b).

3.4 Tahap Perlaksanaan dan Penilaian

Pemilihan kaedah penyampaian dan aktiviti baharu untuk pembelajaran dalam sesi kuliah dan tutorial mengambil kira objektif pengajaran mingguan dan hasil pembelajaran kursus (Ahmad, 2015 & 2016). Dalam membuat perancangan aktiviti tersebut, pengajar telah menjalankan proses-proses berikut (Amran, 2020a; Amran, 2020b):

- a. Menentukan objektif pengajaran mingguan
- b. Menyediakan kandungan pengajaran
- c. Menentukan bentuk-bentuk aktiviti pembelajaran yang akan dilaksanakan
- d. Menjelaskan dan membimbing tindakan yang perlu dilakukan oleh pelajar
- e. Menyediakan soalan penilaian di akhir kuliah

4. Rekabentuk Pemudahcara Muhammadiyah-Ansar

Kaedah penyampaian baharu dalam pengajaran kursus telah direkabentuk berdasarkan tiga strategi pembelajaran iaitu; (a) Pencarian Maklumat Terarah (PMT), (b) Kaedah pembelajaran kolaboratif Jigsaw dan (c) Penglibatan optimum kumpulan Malim atau sistem mentoran. Gabungan ketiga-tiga strategi pengajaran ini dinamakan sebagai Pemudahcara Muhammadiyah-Ansar kerana mengambil inspirasi dari sikap dan kesungguhan para sahabat dalam kalangan Muhammadiyah dan Ansar yang berusaha sedaya upaya untuk belajar dan menguasai ilmu pengetahuan (*Self-Determined Learning*) (Amran, 2020a; Amran, 2020b; Amran, 2021). Golongan Muhammadiyah merupakan individu Muslim yang beriman semasa di Mekah. Gangguan, seksaan dan ujian yang menimpa mereka di Mekah menyebabkan mereka berhijrah ke Madinah. Golongan Ansar pula terdiri daripada penduduk Madinah khususnya Kaum Aus dan Khazraj. Mereka dikenali sebagai golongan kerana menerima penghijrahan dan menolong orang-



orang Islam dari Mekah. Bagi memperteguhkan hubungan antara dua penduduk tersebut, Nabi Muhammad SAW mempersaudarkan antara mereka (Amran, 2021).

Persaudaraan tersebut menjadikan mereka sebagai individu dan kolektif yang berusaha memahami petunjuk agama Islam. Usaha yang mereka jalankan ini disempurnakan secara kolaboratif (*Collaborative Learning/ Student-Centred*). Seorang sahabat Nabi SAW melengkapkan sahabatnya yang lain. Contohnya kisah Umar bin al-Khattab RA (golongan Muhibbin) dan Utbah bin Malik (golongan Ansar) yang dipersaudarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Mereka berdua secara bergilir hadir ke majlis baginda. Setiap kali hadir, salah seorang daripada mereka berperanan mengajar sahabat yang tidak hadir (*Participatory Learning – teach other*). Mereka juga menunjukkan tahap autonomi dalam pembelajaran seperti permintaan mereka untuk mendapatkan akses pelajaran dan peluang belajar secara langsung daripada baginda. Ini turut direkodkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab al-‘Ilm hadith bernombor 101 yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri RA wanita Ansar memohon peluang belajar bersama baginda (al-Bukhari, 1996). Selain itu, para sahabat RA juga secara rutin belajar daripada baginda SAW bagi memenuhi keperluan kehidupan semasa dalam masyarakat Islam (al-Bukhari, 1996). Proses pembelajaran golongan Muhibbin-Ansar ini selari dengan andragogy dan pembudayaan pembelajaran Abad 21 menekankan elemen berikut (Mohamad Amin et al. 2020; Amran, 2020a; Amran, 2020b; Amran, 2021):

- Pelajar dibimbang secara minima bagi menguasai pengetahuan. Mereka berusaha menguasai pengetahuan secara berdikari (*self-directed learning*)
- Pelajar menentukan apa yang ingin dikuasai dan dipelajari (*self-determined learning*)
- Pelajar terlibat dalam merangka proses pembelajaran dan menentukan apa yang hendak dicapai (*autonomous learners*).

4.1 Pencarian Maklumat Terarah

Pencarian Maklumat Terarah (PMT) melibatkan sembilan (9) langkah yang perlu dilakukan seperti di bawah:

Jadual 2: Sembilan Langkah Dalam PMT

Langkah	Pelajar dikehendaki:	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)
1	Mencari teks asal hadis & sumber asal hadis	HPK 1: Pelajar berkebolehan membahaskan teks hadis dalam kitab-kitab hadis utama dan kitab syarah
2	Mendapatkan maklumat latar belakang perawi sahabat	
3	Pelajar mengemukakan terjemahan teks hadis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu	
4	Menyenaraikan kalimah yang unik dan menjelaskan maksud kalimah (a) bahasa (b) pandangan ulama hadis	HPK 2: Pelajar berkebolehan menganalisis secara kritikal teks hadis dalam kitab-kitab turath (kitab asal dan syarah)
5	Menghubungkan maksud perkataan dan keseluruhan hadis dengan huraian para ulama hadis dengan bersumberkan kitab syarah hadis yang muktabar	
6	Menyenaraikan dan menghuraikan hubungan sekurang-kurangnya dua ayat al-Quran yang berkaitan dengan hadis	HPK 3: Pelajar berkebolehan membandingkan metodologi <i>muhādīthīn</i> dalam mengulas dan menghuraikan hadis
7	Menyenaraikan hadis-hadis berkaitan termasuklah meninjau keduduan teks hadis dalam karya hadis dengan penamaan bab atau kitab oleh perawi	
8	Menghuraikan apakah tujuan hadis (maqasid sunnah) dan mengemukakan pengajaran utama.	HPK 4: Pelajar berkebolehan menyimpulkan istinbat dari hadis-hadis yang dibahaskan
9	Menjelaskan bagaimana cara mengaplikasikan atau menggunakan hadis dipelajari, hadis panduan kehidupan dan menyelesaikan isu semasa dalam masyarakat tempatan dan global	

Bagi memandu pembelajaran pelajar dalam sesi perbincangan dan tugas kursus, pengajar telah menyenaraikan sembilan langkah untuk diikuti. Sembilan langkah tersebut dikenali sebagai strategi ‘Pencarian Maklumat Terarah’ yang dimulai dengan langkah mengenalpasti teks dan sumber hadis, diikuti dengan usaha meneroka maklumat mengenai perawi hadis daripada kitab-kitab perawi dan biodata mereka. Setelah itu pelajar hendaklah mengenalpasti terjemahan teks hadis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Mereka hendaklah membuat perbandingan serta mengemukakan terjemahan teks hadis dalam dua bahasa tersebut yang paling tepat dan komprehensif. Langkah satu sehingga ketiga bertujuan memenuhi hasil pembelajaran pertama kursus iaitu untuk pelajar menunjukkan kebolehan membahaskan teks-teks hadis yang terdapat dalam kitab-kitab hadis dan kitab



syaranan hadis. Jadual di atas menunjukkan langkah demi langkah sistematik yang perlu diambil oleh pelajar kursus sepanjang menyelesaikan tugas. Setiap langkah tersebut menyokong ke semua hasil pembelajaran yang disenaraikan.

4.2 Pembelajaran Kolaboratif

Terdapat banyak strategi yang boleh dilaksanakan dalam pembelajaran secara kolaboratif (Mahamod et.al., 2015). Salah satu strategi tersebut ialah Strategi Pembelajaran Jigsaw. Strategi tersebut mengalami transformasi dari kaedah asas pembelajaran kooperatif yang dipelopori oleh Aronson et al. (1975) dengan versi tambahan oleh Slavin (1989) dan Kagan (1990). Dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran Muhajirin-Ansar ini, pengajaran melakukan sedikit penambahbaikan. Jika dalam teknik Jigsaw (termasuk Jigsaw II dan III), pelajar mengambil nota sedia ada daripada pensyarah dan menguasai topik yang dibahagikan dalam kalangan mereka. Perbezaannya adalah pada penyediaan nota yang disediakan sendiri oleh pelajar melalui panduan pensyarah semasa proses PMT. Usaha melengkapkan nota ini dibaharui dan disempurnakan oleh setiap pelajar secara berkumpulan (*Group Discussion & Practice by Doing*). Tugasan penghasilan nota menunjukkan keupayaan pelajar dalam menghasilkan bahan baharu untuk kursus (*create – taksanomi bloom – domain merekacipta*). Nota yang dihasilkan menjadi bahan pembelajaran kuliah bagi Kursus Hadith I dan II bagi kohort masing-masing.

Seorang pelajar dalam setiap kumpulan mewakili ‘satu kepingan jigsaw’ keseluruhan yang melengkapkan kandungan kursus keseluruhan (Aronson et al. 1975). Bagi menyempurnakan keseluruhan jigsaw, setiap pelajar mempunyai empat peranan asas iaitu (i) mencari bahan berdasarkan langkah yang ditetapkan (ii) menguasai satu sub-topik dalam keseluruhan kandungan topik (iii) saling berkongsi dan mengajar rakan-rakan dalam kumpulan sendiri dan seterusnya (iv) mengajar rakan-rakan dalam kumpulan lain (*teach other*). Piramid pembelajaran menunjukkan corak pembelajaran berkesan ialah pembelajaran secara aktif (*participatory*) dan ia boleh meningkatkan pencapaian dan penguasaan pengetahuan pelajar dari (5 peratus) diperolehi dari syaranan kuliah kepada 95 peratus apabila mereka sendiri mengajar rakan-rakan mereka (*teach other*) (Mahamod et al., 2015).

Sesi kuliah terbahagi kepada dua bahagian. Sesi pertama melibatkan pembelajaran secara kolaboratif intra kumpulan (dalam kumpulan sendiri) dan sesi kedua sesi syaranan/ pembentangan intra-kumpulan (pergerakan dan perlaksanaan secara pembelajaran jigsaw). Perbincangan dalam kumpulan dan inter-kumpulan secara kolaboratif merupakan aktiviti rutin dalam setiap minggu kuliah Kursus Hadith I dan Hadith II. Pembelajaran kolaboratif secara berpasukan bermatlamatkan pelajar; (a) belajar untuk bekerjasama dalam menyelesaikan tugas dan (b) mempertajamkan pengetahuan dan pemahaman dengan cara berkongsi apa yang mereka tahu dan mendengar maklumat dan data daripada rakan yang lain (Kuh, 2008).

4.3 Peranan Kumpulan Malim

Kumpulan Malim berperanan sebagai mentor semasa perbincangan kumpulan (secara intra dan inter). Mentor merujuk kepada seorang yang berpengalaman dan berpengetahuan manakala mentee ialah seorang yang kurang pengalaman dan dibimbing oleh mentor. Mentoran merujuk kepada hubungan membimbang yang berlaku antara seorang yang lebih berpengalaman (juga berpengetahuan/ malim) yang ‘mentor’ dan seorang yang kurang berpengalaman yang dipanggil ‘mentee’ (Chiles, 2007). Dalam konteks universiti awam Malaysia, pelajar yang berpeluang membina hubungan dengan seseorang mentor akan mendapatkan pembelajarannya (a) lebih bermakna. Hubungan dengan mentor (b) memberi peluang kepada pelajar melihat proses pembelajarannya dari perspektif yang lebih luas, matang, dan penuh berinspirasi (Amran, 2021; Mahmud 2009).

Kebiasaannya, mentor ialah dari kalangan para pensyarah (Aronson et al., 1975). Dalam konteks kuliah dan khususnya Kursus Hadith I dan II, para pelajar sendiri berperanan dan bertanggungjawab membimbang rakan dalam kumpulan sendiri dan kumpulan lain. Mereka memainkan peranan persis golongan Muhajirin yang menjadi mentor dalam kalangan sahabat Ansar sewaktu pembentukan negara di Madinah. Pendekatan ini selari dengan pembelajaran rakan sebaya (*peers learning*). Setiap kumpulan berperanan secara bergiliran sebagai Kumpulan Muhajirin dan Kumpulan Ansar. Kumpulan pelajar yang telah menyelesaikan PMT bagi topik hadis tertentu ditugaskan menjadi Kumpulan Malim secara berjadual.



Kumpulan ‘Muhajirin’ yang bergerak dan menyertai Kumpulan Ansar (ahli kumpulan yang tetap) mengikut pusingan tawaf atau pergerakan jam seperti arahan pensyarah. Setiap ahli kumpulan Muhajirin atau malim ditugaskan untuk ‘berhijrah’ ke kumpulan Ansar dan mengajar rakan-rakan mereka. Oleh itu sekiranya terdapat sepuluh kumpulan, maka pada setiap pertemuan kuliah secara bersemuka sekurang-kurangnya pensyarah akan melantik dua kumpulan berperanan sebagai kumpulan Malim atau Muhajirin. Sebagai Malim, mereka hendaklah menyertai kumpulan-kumpulan yang lain untuk berkongsi dan mengajar ahli kumpulan yang tidak ditugaskan dengan topik tersebut.

Bagi memastikan suasana pembelajaran pada waktu puncak tidak membosankan pelajar, pelajar bergerak dan berpindah dari satu kumpulan ke kumpulan yang lain dengan arahan pensyarah. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan, sesi pembelajaran dilaksanakan dalam talian. Peranan kumpulan malim diteruskan melalui sesi perbincangan dalam *Google MEET*, *Telegram* dan *WhatsApp*. Kumpulan pelajar ditugaskan menjadi malim dalam kumpulan kecil. Peranan mereka diperkasakan dalam sesi *breakout rooms* ataupun pembelajaran dalam talian secara segerak menggunakan *telegram*. Kumpulan Malim tersebut dikehendaki berkongsi bahan pembelajaran, membuat pembentangan serta mengemukakan soalan-soalan untuk mendapatkan respon dan pandangan daripada kumpulan lain.

4.4 Penilaian Impak

Abdul Wahab (2016) menjelaskan tujuan rekabentuk pengajaran dijalankan adalah untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan efektif. Matlamat akhirnya adalah pelajar berjaya menunjukkan kebolehan dan keberhasilan yang digariskan dalam hasil pembelajaran kursus dan program baik dalam aspek kognitif, psikomotor dan afektif. Dalam membangunkan bahan pengajaran, perisian, pendekatan pengajaran, modul dan lain-lain, pelbagai model yang bersesuaian boleh digunakan. Penggunaan model dan langkah yang berkesan menatijahkan pelbagai kesan positif kepada pengajar dan pelajar (Salleh & Aziz, 2007).

Jadual 3: Penilaian Impak Perlaksanaan Strategi Muhajirin-Ansar Kepada Pelajar Kursus

Impak Pengetahuan & Kefahaman Berganda Pelajar berkemampuan untuk mengetahui, memahami dengan mendalam serta menyampaikan kembali pengetahuan kepada rakan yang lain.	Peserta Kajian 1	“Cara penyampaian berbeza [bukan kaedah syarahan] memudahkan pelajar memahami subjek tersebut”
	Peserta Kajian 2	“Apa yang saya dapat dari pembelajaran Kursus Hadith I? Pertama saya mendapat kefahaman yang sangat mendalam kerana saya sendiri yang mengkaji hadis tersebut dari sudut perawi, aplikasi dan syarah-syarahnya [<i>self-directed learning</i>]...”
	Peserta Kajian 3	“...jadi, apabila kita sendiri yang terlibat dalam proses memahaminya [<i>active learning</i>], maka kita akan dapat kefahaman yang lebih dalam. Seterusnya, saya dapat pembelajaran dua hala. Saya mengajar dan saya pula diajar oleh kawan-kawan [<i>teach other – collaborative learning</i>]. Saya rasa ini sangat terbaik”
	Peserta Kajian 8	“...Kelas paling <i>best</i> semester ini. Kaedah penyampaian yang jelas dan mudah difahami oleh pelajar...semoga kursus ini dikekalkan untuk generasi akan datang...”
Motivasi Belajar Perspektif pelajar terhadap pendekatan dan pandangan mereka terhadap pemudahcara tersebut:	Peserta Kajian 3	“Kaedah pembelajaran yang [nama pensyarah] aplikasi kepada pelajar sangat memberi impak yang mendalam kepada kami. Sejurusnya, kami tidak pernah dideakah dengan kaedah pembelajaran yang digunakan oleh [nama pensyarah]. [Nama pensyarah] menangani kelas dengan idea baru dan segar [a] membuatkan kami menerima pembelajaran dengan hati terbuka dan [b] tidak merasa bosan apatah lagi [c] mengantuk di dalam kelas.
	Peserta Kajian 3	“Setiap minggu kelas [nama pensyarah] adalah kelas yang paling kami nantikan dan tidak sabar untuk mempelajari ilmu baru daripada [nama pensyarah] dan sahabat sekelas...”
	Peserta Kajian 9	“Cara pembelajaran Kursus Hadith II dalam kelas sangat menarik. Ia tidak membosankan dan tidak berasa berat. Hati lebih rasa dekat dengan Rasulullah SAW...”
Impak Gelung Pembelajaran Berganda	Peserta Kajian 4	“Saya berharap saya dapat menuntut ilmu lagi dengan [nama pensyarah], in sha Allah.
	Peserta Kajian 5	“...Cara pengajaran sangat menarik. Lain daripada yang lain...membuatkan saya ingin menyambung pengajaran ke peringkat master”.



Keinginan dan minat ditunjukkan melalui motivasi untuk terus belajar dan melaksanakan ilmu yang dipelajari.	Peserta Kajian 6	“...Kelas ini adalah kelas yang paling saya suka, syukran ustazah. Banyak ilmu yang saya dapat daripada ustazah...Kalau ustazah hendak tahu, ustazah adalah idola dan sumber inspirasi untuk terus sambung belajar selepas ini...”
	Peserta Kajian 7	“...in sha Allah, ilmu hadis [mengenai] <i>al-Fitan</i> ini akan kami ingat dan amalkan dalam kehidupan sehari-hari kami”.

Jadual 3 di atas bertujuan menunjukkan perubahan yang berlaku selepas strategi pembelajaran Muhajirin-Ansar dilaksanakan dalam kursus. Antara impak positif terhasil dari strategi pengajaran Muhajirin-Ansar yang dilaksanakan dalam kursus telah dijelaskan oleh pelajar kursus adalah (a) kebolehan mereka dalam memahami dan menyampaikan kembali pengetahuan. Perubahan ini dijelaskan oleh Peserta Kajian 1,2, 3 dan 8 yang mendapati mereka dapat mehamai kandungan kursus dengan baik bahkan dapat berkongsi pengetahuan dan kefahaman tersebut dengan orang lain. Manakala peserta kajian 3 dan 9 mendapati antara perubahan positif yang dialami adalah (b) peningkatan motivasi belajar kerana ia menepati gaya pembelajaran mereka sebagai generasi baharu. Keterangan tersebut adalah disebabkan oleh sesi pembelajaran yang aktif yang menjadikan suasana pembelajaran menarik.

Bagi peserta Kajian 4, 5, 6 dan 7, strategi yang digunakan oleh pengajar kursus telah memberikan nilai tambah dari aspek kognitif dan afektif. Ini dapat dikesan melalui keinginan untuk melanjutkan pengajaran dan mempraktikkan ilmu-ilmu yang dipelajari. Perubahan yang ditonjolkan ini menunjukkan berlaku (c) impak pembelajaran berganda yakni keinginan untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan sepanjang hayat. Di sisi pengajar, strategi baharu yang dilaksanakan tersebut turut menambah kecekapan dan keberkesanannya mereka dalam menjalankan pengajaran. Ia juga membantu pengajar mengurus proses pembelajaran dan pengajaran secara kos efektif dan dalam masa yang ditetapkan, menghasilkan kandungan pengajaran yang menepati hasil pembelajaran kursus, membangkitkan minat dan motivasi kepada pelajar untuk meneroka dan meneruskan sesi pembelajaran. Abdul Razak dan Abdul Rahman (2013) menjelaskan pengabaian aspek model reka bentuk pengajaran boleh menjelaskan penghasilan pendekatan, perisian dan sebagainya, objektif dan proses pembelajaran yang dihasratkan.

5. Kesimpulan

Strategi pengajaran Muhajirin-Ansar yang dianalisis dalam makalah ini terhasil berpandukan kerangka dua model kitaran reflektif pengajaran yang telah diubahsuai bagi mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam penguasaan ilmu pengetahuan, kefahaman serta memastikan kualiti pendidikan disampaikan secara bermakna dan berimpak. Dalam menghasilkan strategi baharu, ia dimulakan dengan aktiviti refleksi. Reflektif pengajaran merupakan satu usaha pengajar dalam membuat kajian tindakan bagi menyelesaikan permasalahan tertentu dalam bilik darjah atau kuliah. Tiga cara baharu telah digabungkan agar menjadi komponen strategi pengajaran baharu. Gabungan tersebut terdiri dari aplikasi kaedah pencarian maklumat secara terarah (PMT), pembelajaran kolaboratif serta pemerkasaan peranan pelajar melalui budaya mentoran. Kumpulan mentor dianggap sebagai ‘malim’ yang berpengetahuan untuk mengajar rakan-rakan. Gabungan strategi tersebut telah diaplikasikan dalam sesi pembelajaran dan ia menunjukkan perubahan positif dari aspek kognitif dan afektif serta memberikan kesan berpanjangan kepada motivasi dan kelestarian pembelajaran sepanjang hayat. Kajian ini mencadangkan agar proses reflektif pengajaran dilaksanakan bagi menghasilkan strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran baharu yang bersesuaian khususnya dalam mendepani keperluan pendidikan dan cabaran krisis pandemik. Proses refleksi ini penting untuk dilaksanakan sepanjang perkhidmatan sebagai pengajar tanpa membataskan sama ada dalam kalangan pensyarah berpengalaman ataupun pengajar baharu.

Rujukan

- Abdul Razak R. & Abdul Rahman, Maryam (2013). Pembinaan Media Pengajaran Berasaskan Multimedia di Kalangan Guru Ictl. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 1(2): 20-31
Abdul Wahab, A. (2016). *Pengaplikasian Teori Pembelajaran dalam Pembangunan Sistem Reka Bentuk Pengajaran dan Pembelajaran*.



- https://www.researchgate.net/publication/298084681_Pengaplikasian_Teori_Pembelajaran_dalam_Pembangunan_Sistem_Reka_Bentuk_Pengajaran_dan_Pembelajaran
- Abdullah, M.N. (1989). Pengajian Hadis Di Institusi Pondok: Satu Kajian Di Daerah Baling, Kedah. *Jurnal Islamiyyat*. 10. pp.31-42.
- Ahmad Shah, F. (2016). *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad, A. (2015). *Pentaksiran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, A. (2016). *Pentaksiran Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran N.N. (2018). Pengajaran Transformatif Tanpa Syarahan Melalui Pemudahcara Muhammadiyah-Ansar. Portfolio Finalis AKRI 2018.
- Amran, N.N. (2020a). Proses Refleksi Pengajaran dalam Merekabentuk Pemudahcara Muhammadiyah-Ansar. K-Novasi 2020. Hotel Tenera, Bangi 14-15 Februari 2020.
- Amran, N.N. (2020b). Pemberdayaan Peranan dan Pengetahuan Tekstual-Kontekstual Pelajar Subjek Hadis melalui Pemudahcara Pencarian Maklumat Terarah (PMT). *2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadis 2020 (THIQAH 2020)*. Jogjakarta. 21-24 Februari 2020.
- Amran, N.N. (2021). Proses Refleksi Dalam Pembangunan Kaedah Penyampaian: Pemudahcara Pembelajaran Muhammadiyah-Ansar dalam Pengajaran & Pembelajaran Aktif, Inklusif dan Futuristik: Teori, Aplikasi dan Inovasi. Bangi: Penerbit UKM.
- Aronson, E., Blavey, N., Sikes, J., Stephans, C., & Snapp, M. (1975). Busing and Racial Tension: The Jigsaw Route to Learning and Liking. *Psychology Today*. 8: 43-59.
- Bukhārī, Muhammad Ismail al- (1996). *Sahih Al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-Turāth al-Islamiy.
- Deraman, F., Sulaiman, I , Ahmad Shah, Faisal (2010). *Pengajian Hadis Di Malaysia Tokoh-Karya-Institusi*. Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadis Akademi Pengajian Islam University Malaya Kuala Lumpur.
- Gibbs, G. (1988). *Learning by Doing: A Guide to Teaching and Learning Methods*. Oxford: Oxford Brookes University, Further Education Unit.
- Heinich, R., Molenda, M., Russell, J. D. (1993). *Instructional Media and the New Technologies of Instruction*. New York: Macmillan.
- Hopkins, CD, Antes RL (1990). *Educational Research: A Structure for Inquiry*. 3rd Ed. Itasca, IL: F.E. Peacock.
- Isa, M.A. (2019). Keberkesanan Pengajaran Hadis di Masjid-masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Disertasi Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Isa, M.A., Amran, N.N. (2017). Pengajian Hadis di Masjid Malaysia. *Fikiran Masyarakat*. 5(1): 14-20.
- Ismail, N.F. (2011). Pengajian Hadis Di Kelantan: Kajian Di Pusat Pengajian Al-Quran Darul Kauthar. *Latihan Ilmiah* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jummat H. (2005). Kurikulum Pembelajaran Hadis Di Madrasah-Madrasah Sinapura Pada Masa Kini. *Disertasi Ijazah Sarjana*, Jabatan Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kagan, S. (1990). *Cooperative Learning Resources for Teachers*. San Juan Capistrano CA: Resources for Teachers.
- Khatib, Muhd 'Ajjaj al, (1988). *Usul Al-Hadith Ulumuhu Wa Musthalahu* . Beirut: Dar al-Fikr.
- Kuh, G. D., (2008). *High-Impact Educational Practices: What They Are, Who Has Access to Them, and Why They Matter*. Washington, D.C: AAC&U.
- Liston, Daniel P. & Zeichner, Kenneth M. (2014). *Reflective Teaching: An Introduction* (Second edition). New York: Routledge.
- Md Nawi, N. H. (2011). Pengajaran Dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. *Kertas Kerja Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insan Universiti Malaysia Kelantan*.
- Mohamad Amin, A.F., Amir, R. Rahman, S. (2020). Identiti Generasi Y: Profil dan Model. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Ramli, F. Z., Abdul Majid, L., Nazri M.A. (2013). Penerokaan Talaqqi Bersanad (TB) Dalam Pengajaran Hadis Di Malaysia. Jabatan Al-Quran dan As-Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 35(2): 67-76.
- Mohamed Ramli, F.Z. (2014). Faktor-Faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) Dan Keperluan Dalam Pengajaran Hadis Di Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah*, Jabatan Al-Quran Dan As-Sunnah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Navaneedhan, C. Girija (2011). Reflective Teaching Pedagogy as Innovative Approach in Teacher Education Through Open and Distance Learning. *Journal of Media and Communication Studies*. 3(12).



- Ojanen, S (1993). A Process In Which Personal Pedagogical Knowledge Is Created Through The Teacher Education Experience. *International Conference on Teacher Education, Tel-Aviv.*
- Rahman, S. (2018). Mengoptimalkan Pembelajaran Pelajar dalam Rahman, S., Mahamod Z(ed). Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran: Mengoptimalkan Pembelajaran Pelajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman, S., Mahamod Z(2018). Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran: Mengoptimalkan Pembelajaran Pelajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramle, M. R., & Abdullah, W. H. (2021). Metodologi memahami hadis melalui pembacaan komprehensif terhadap keseluruhan riwayat: The methodology of understanding hadiths through a comprehensive reading of the narrations. *HADIS*, 11(22), 802-816. <https://doi.org/10.53840/hadis.v11i22.133>
- Shaharuddin Md Salleh, Nor Afizah Aziz. (2007). Pembinaan Perisianan Berbantuan Komputer (PBK) Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Kontekstual Bagi Matapelajaran Matematik Tingkatan 1. Skudai, Johor: UTM.
- Slavin, R. (1995). *Cooperative Learning. Theory, Research and Practice* (2nd Edition). USA: Alyn and Bacon.
- Uzat, S.L. (1998). Cognitive Coaching and Self-Reflection: Looking In The Mirror While Looking Through The Window. *Annual Meeting of the Mid-South Educ. Res. Assoc., New Orleans, LA.*
- Wan Abdullah, W.A.A & Mohd Zhaffar, N. (2018). Inovasi Pendidikan Islam: Inspirasi & Transformasi. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Wazir R., Soroni M.K., Nasir M.N., A.Adi, M.F., Hasan AdaliNor Asyikin (2011). Kelangsungan Pengajian Kitab Hadis Di Masjid-Masjid Negeri Selangor. *Kertas Kerja Akademi Islam Kolej Universiti Islam Selangor.*
- Yahya, Muhammad & Dakir, Jawiah & Amran, Najah N. & Mohd Noor, Ahmad & Ibrahim, Mazlan & Nazri, Mohd. (2017). Application of Hadith Memorization Methods in Teaching and Learning: The National University of Malaysia's Experiences. *Turkish Online Journal of Educational Technology*. 368-372.
- Yusop, M.A. (2011). Pengajian Hadis Di Miftahul Ulum Sri Petaling Kuala Lumpur. *Tesis Sarjana*, Jab. Al-Quran dan Hadis Universiti Malaya.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir, Mohamed Amin Embi (2015). *Kepelbagaiannya Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkarnaini, Azhariah (2011). Metodologi Pembelajaran Hadis Di Riau. *Disertasi Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuria Mahmud (2009). Bimbingan dan Mentoran. Dlm Mohd Amin Embi (pnyt.) *Buku Panduan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.